

Harmonikan Rumah tangga

25 Muharam 1443H / 03 September 2021M

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Kita sedang diuji oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan covid 19 yang menyebabkan banyak berlaku perubahan dalam kehidupan seharian. Antaranya kita berada dalam rumah dalam tempuh masa yang lama. Keadaan ini menyebabkan kes-kes keganasan dalam rumah tangga meningkat. Marilah setiap kita terutamanya para ibubapa dan suami

memainkan peranan yang besar agar rumahtangga kita harmoni, aman dan sejahtera.

Ibubapa hendaklah menghidupkan rumahtangga dengan suasana Islam. Ajaklah anak-anak untuk mendirikan solat berjemaah, membaca al-Quran, berdoa, berzikir dan lain-lain amalan lagi. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Taha ayat-132:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ
وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَى

Yang bermaksud: “Dan perintahkanlah kepada keluargamu mendirikan solat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan kesudahan (yang baik) adalah bagi orang yang bertakwa”.

Pada masa yang sama kita hendaklah bergaul dengan ahli keluarga dengan penuh kasih sayang dan kemesraan. Ingatlah, sifat kasih sayang amat penting dalam membina sebuah keluarga supaya keharmonian akan terjamin sepanjang masa. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

Barangsiapa tidak menyayangi manusia, Allah tidak akan menyayanginya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Dalam rumahtangga, perlu ada sikap saling bantu-membantu antara suami isteri. Suami digalakkan menolong dan membantu isteri bagi meringankan bebanan tugasnya dan dapat megurangkan tekanan hidup. Rasullullah Sallallahu Alaihi Wassallam adalah contoh terbaik seorang suami yang bertanggungjawab kerana baginda sendiri membantu isteri di rumah, Saidatina Aisyah Radiallahu Anha berkata dalam hadis riwayat Imam Bukhari yang bermaksud: *Nabi Sallallahu Alaihi Wassallam membantu isterinya membuat kerja-kerja rumah. Apabila masuk waktu solat bagindapun keluar solat ke masjid.*

Yakin dan percayalah, rumah tangga akan harmoni dan dipenuhi keberkatan apabila kita sekeluarga sentiasa mendekati Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Yang bermaksud: “Dan orang beriman, lelaki dan perempuan, sesetengahnya menjadi penolong bagi sesetengahnya yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

بَارِكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.